

# 'Ada kilang membeku ikan, tetapi tidak jalan'

Mato Ahdad 29/5/2022 ml: 16

**Taiping:** Masalah birokrasi dan sistem penyampaian yang lemah dikenal pasti sebagai punca kekurangan bekalan ikan di negara ini.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, kelemahan itu jika tidak ditangani dengan baik boleh menyebabkan kekurangan bekalan ikan terus berlarutan.

"Keadaan ini berlaku menyebabkan rakyat terpaksa menanggung kesan kenaikan harga ikan dan rakyat memerlukan bantuan segera. Sekarang simpanan ikan tidak ada, kalau ada...kita boleh bagi percuma kepada rakyat," katanya pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Pengerusi LKIM Bersama Nelayan dan Masyarakat di Changkat Jering, dekat sini.

Pada 22 Mei lalu, Pengerusi Persatuan Nelayan Ke-

bangsaan (Nekmat) Abdul Hamid Bahari berkata, pendaratan ikan terutama di utara Semenanjung berkurangan hingga 70 peratus iaitu daripada lebih sejuta tan kepada kira-kira 300,000 tan sebulan berikutan keadaan cuaca tidak menentu sejak dua bulan lalu.

Syed Abu Hussin berkata, beliau membentangkan masalah bekalan ikan kepada lembaga pengarah yang dianggotai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi supaya melakukan tindakan segera dalam hal itu namun masih tiada jawapan balas.

"Sampai hari ini LKIM belum lagi mula menyimpan ikan sedangkan kita mempunyai kilang membeku ikan, tetapi tidak jalan dan 1,000 tan metrik tong sejuk beku yang kita ada juga terbiar. Ikan sejuk beku boleh disimpan hingga dua tahun," katanya.